

20 NOV 2000

Mohd Ali-Pelancong

MELAKA TERIMA 20,000 PELANCONG ASING SEBULAN MULAI TAHUN DEPAN

MELAKA, 20 Nov (Bernama) -- Melaka dijangka menarik kedatangan 20,000 pelancong asing setiap bulan menerusi pakej Melaka-MAS Golden Holiday yang dilancarkan pada 13 Nov lepas di London, kata Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, hari ini.

Beliau berkata melalui pakej itu, pelancong asing terutama dari Britain, akan didedahkan kepada produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri ini terutama membabitkan pelancongan sejarah, kebudayaan dan rekreasi.

Pelancong asing begitu meminati sejarah Melaka di samping berrekreasi di kawasan pantai, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Nasional Alam Sekitar, Keselamatan Pekerjaan dan Kualiti Ke Arah Kecemerlangan (ESQ) 2000 di Tanjung Kling di sini.

Menurutnya Melaka mempunyai kesan peninggalan sejarah yang mampu menarik minat pelancong asing di samping kepelbagaian budaya masyarakat dan kawasan pantai rekreasi.

"Kerajaan negeri akan meningkatkan lagi kemudahan di beberapa kawasan pantai di negeri ini di samping mempromosikan kawasan-kawasan baru seperti pantai Padang Kemunting, Pengkalan Balak, Pantai Klebang dan Tanjung Bidara yang mempunyai pemandangan yang indah," katanya.

Sementara itu, Mohd Ali berkata kerajaan negeri akan memastikan program pembersihan Sungai Melaka sepanjang lapan kilometer berjalan lancar untuk menjadikan sungai itu produk pelancongan.

Beliau, yang berpuas hati dengan kerja-kerja pembersihan yang dijalankan, berkata dalam tempoh dua tahun lagi, Sungai Melaka akan menjadi seperti Venice di Itali dengan para pelancong boleh menikmati pengalaman indah menyusuri sungai di samping menyediakan ruang pejalan kaki di sepanjang sungai berkenaan.

Katanya kerajaan negeri mengemukakan permohonan lebih RM100 juta bagi mendapatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk program pengindahan Sungai Melaka itu.

"Saya yakin Kerajaan Persekutuan akan meluluskan peruntukan itu memandangkan kertas cadangannya mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin," katanya.

Setakat ini, Kerajaan Persekutuan bersetuju memperuntukan sejumlah RRM25 juta bagi program pengindahan sungai itu yang termasuk membersihkan, mendalam dan membina tembok di sepanjang sungai itu.

Dalam perkembangan lain, Mohd Ali berkata prestasi agensi-agensi kerajaan tahun ini secara keseluruhannya meningkat dengan ia mula membayar balik pinjaman yang dibuat kepada kerajaan negeri.

-- BERNAMA

MYD NAK